

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

**From:** Hal Ehwal Pelajar  
**Sent:** Thursday, 5 January, 2017 2:53 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Noor Azman B Yusof; Jamaat Alhaffis Bin Mansor  
**Subject:** PUSAT PENGINAPAN PELAJAR (SAC): PELUANG PERNIAGAAN OPERATOR KAFETERIA  
**Attachments:** PELUANG PERNIAGAAN .pdf



5 JANUARI 2017, KHAMIS | 6 RABIULAKHIR 1438H



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR | STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT

### PELUANG PERNIAGAAN OPERATOR KAFETERIA

Syarikat / Individu yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dipelawa menyertai sebut harga di bawah kod bidang 040103 (makanan bermasakan Islam) dan dibenarkan menyertai sebut harga ini bagi kerja-kerja berikut:

| NO. RUJUKAN     | TAJUK PELUANG PERNIAGAAN                                                                                                                                                                                         | TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH TUTUP    | TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK                                                                                                                                |
|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| UUM/BEN/S1/2017 | TAWARAN PELUANG PERNIAGAAN BAGI PERKHIDMATAN MENYEDIA & MENJUAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI KAFETERIA PENGAJIAN ANTARABANGSA, MAS, BSN, BANK RAKYAT, LINGUA, PERPUSTAKAAN, DK6 DAN YAB, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA. | 12 - 25 JANUARI 2017  | 26 JANUARI 2017 | 19 JANUARI 2017<br>KEHADIRAN ADALAH WAJIB<br>MASA : 10.00 PAGI<br>TEMPAT :<br>AUDITORIUM SAC,<br>UNIVERSITI UTARA<br>MALAYSIA, 06010<br>UUM SINTOK, KEDAH |

Dokumen peluang perniagaan ini boleh didapati pada waktu pejabat hari bekerja mulai **12 – 25 JANUARI 2017** dari pukul 8.30 pagi – 4.30 petang (Ahad – Rabu) dan dari pukul 8.30 pagi – 3.00 petang (Khamis) di Pusat Penginapan Pelajar (SAC), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman.

Calon yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki membayar harga dokumen sebanyak **RM53.00** termasuk 6% GST (tidak dikembalikan) di **Pusat Penginapan Pelajar (SAC), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Utara Malaysia**, dalam bentuk Tunai atau Draf Bank atas nama Universiti Utara Malaysia. Bayaran juga boleh dibuat secara on-line menggunakan kad kredit/Financial Proses Exchange (FPX) dengan melayari laman web [www.uum.edu.my](http://www.uum.edu.my) klik e-com.

Dokumen sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada wakil penyebut harga yang sah sahaja dan setelah sijil ASAL pendaftaran dengan **Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Pengiktirafan sebagai Kontraktor Bertaraf Bumiputera (jika berkenaan)** dan bukti bayaran adalah ditunjukkan serta satu salinan dikemukakan untuk simpanan.

Dokumen peluang perniagaan yang telah siap ditandatangani dan diisi sepenuhnya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri dengan **Tajuk Sebutharga** dan **No. Rujukan Sebutharga** hendaklah ditulis di luar sampul surat tersebut. Dokumen ini hendaklah sampai dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga, Jabatan Bendahari, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman**, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada **26 JANUARI 2017**.

Universiti Utara Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga dan tidak akan menanggung apa-apa kos yang terlibat oleh penyebut harga.

# UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: [www.hep.uum.edu.my](http://www.hep.uum.edu.my) | Emel: [hep@uum.edu.my](mailto:hep@uum.edu.my) | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.